



PM bidas sikap peniaga tanahair

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, berucap kepada tetamu di majlis jamuan malam anjuran Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan, di Kuala Lumpur, malam kelmarin.

Majlis itu turut

dihadiri oleh Datin Seri Dr. Siti Hasmah dan Pengerusi Dewan, Dr. Nawawi Mat Awin.

Dalam ucapannya, Datuk Seri Dr. Mahathir antara lain, menegur ahli-ahli perniagaan negara yang bersikap takut dan tidak sanggup

menceburi bidang perniagaan di peringkat antarabangsa kerana tidak mendapat perlindungan.

Ini menyebabkan mereka hanya menjalankan perniagaan di dalam negeri kerana hanya Kerajaan yang

sanggup melindungi mereka.

Beliau seterusnya menggesa mereka supaya berani menghadapi cabaran dan bersaing dengan ahli-ahli perniagaan luar negeri. — Gambar Berita Harian oleh Ariff Azahari.